

SEKITAR DEWAN RAKYAT

PM nafikan elaun askar ke Kongo rendah

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad dengan keras menafikan bahawa anggota-anggota pasukan keselamatan yang bertugas di Kongo dalam tahun enam-puluhan menerima bayaran yang rendah dan ini menyebabkan kerajaan berhutang sebanyak \$34 juta kepada mereka.

Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan menjelaskan, adalah tidak munasabah bagi kerajaan mengeksploitasi mereka yang berkeinginan dan membayar mereka dengan bayaran yang kurang dari yang diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan anggota DAP Sungai Besi, Encik Chan Kok Kit yang bertanya sama ada benar kerajaan berhutang sebanyak \$34 juta kepada mereka dan jika benar apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikannya.

"Adalah tidak munasabah bagi kerajaan untuk mengeksploitasi soldadu-

soldadu yang bertugas di Kongo dan membayar kepada mereka kurang daripada yang diberi oleh Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Ini adalah satu tuntutan yang tidak bertanggungjawab. Sebenarnya, kerajaan Malaysia telah diundang menyertai kontingen Bangsa-Bangsa Bersatu di Kongo apabila berlaku kacau-bilau di negara itu dan pada kerangka, undangan itu adalah satu kebanggaan kepada sebuah negara yang baharu merdeka untuk mengambil bahagian," katanya.

Kerajaan juga, jelasnya, menganggap bahawa penyertaan Malaysia adalah satu sumbangan kerajaan kepada keamanan dunia yang menjadi tanggungjawab setiap ahli Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Kita boleh merasa bangga bahawa negara kita yang pada ketika itu baharu merdeka selama tiga tahun telah dapat menunaikan tanggungjawabnya dengan penuh kejayaan.

"Angkatan tentera Malaysia sendiri berbangga atas usaha mereka mengharumkan nama Malaysia pada

ketika itu," tambahnya.

Perdana Menteri berkata soal elaun yang dipertikaikan sebenarnya adalah disebabkan salah faham tentang apa yang layak dibayar.

Menurutnya, penyertaan Malaysia di kontingen Bangsa-bangsa Bersatu adalah atas prinsip bahawa Malaysia dikehendaki membayar sebahagian besar perbelanjaan askar-askar Malaysia di Kongo dan dituntut kemudiannya dari Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan antara Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerajaan Malaysia dalam usaha itu telah juga dipersetujui oleh kedua pihak. Misalnya, kerajaan adalah bertanggungjawab membiayai gaji dan elaun mengikut peraturan-peraturan di Malaysia.

"Bangsa-Bangsa Bersatu hanya akan membiayai atau membayar balik perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan melebihi dari apa yang biasa disebabkan operasi di Kongo, ini termasuklah elaun seberang laut Kongo yang dibayar oleh kerajaan sendiri." jelasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. 5

No. 6